

# UMS promosi gaya hidup sihat di Kg. Long Pasia

UB 15.06.2024 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi pelajar pascasiswazah Program Sarjana Kesihatan Awam (MPH) Sesi 2023/2024 menganjurkan Program Sihat Sinergi di Kg. Long Pasia, Sipitang baru-baru ini.

Ia bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk kampung berkenaan.

Penganjurannya dijayakan dengan kerjasama KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS), Hospital UMS dan Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS (UMS4WDVC).

Seramai 90 peserta menyertai program itu bersama kira-kira 200 penduduk setempat.

Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Shahril Yusof, berkata program itu adalah inisiatif penting yang diharap dapat memberikan manfaat besar kepada masyarakat di pedalaman.

Beliau berkata penyakit tidak berjangkit semakin menular dalam masyarakat seperti diabetes, hipertensi, penyakit jantung dan obesiti.

Katanya, ia bukan sahaja memberi impak negatif kepada kesihatan individu, tetapi juga menjejaskan produktiviti dan kesejahteraan keluarga serta komuniti.

“Langkah pencegahan melalui amalan gaya hidup sihat dan pemakanan seimbang adalah amat penting untuk mencapai tahap kesihatan yang baik,” katanya ketika berucap merasmikan

program itu.

Dalam pada itu, beliau berharap warga Kampung Long Pasia mengambil kesempatan menimba pengetahuan dan kesedaran untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga.

“Dengan adanya kesedaran mengenai penjagaan kesihatan yang tinggi, kita mampu membentuk komuniti yang sihat dan produktif,” katanya.

Pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat dijalankan, termasuk sesi interaktif pendidikan kesihatan kepada kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Turut diadakan pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan gigi, pemeriksaan mata, kiosk gaya hidup sihat, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan memasak makanan tradisional serta



**KOMITMEN:** Sebahagian peserta Sihat Sinergi bergambar kenangan di Dewan Solar SK Long Pasia.

menggunting rambut.

Turut hadir Presiden

UMS4WDVC, Profesor

Datuk Dr. D Kamarudin

D Mudin; Ketua Kampung

Long Pasia, Yakub Sim dan

Guru Besar SK Long Pasia,

Jeffry Padan.